



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 7/2024**

**Petunjuk Ekonomi Utama Negara Mengukuh seiring Perkembangan
Pasaran Buruh**

PUTRAJAYA, 31 Julai 2024 – Hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 7/2024**. Edisi ini memfokuskan kepada statistik terkini yang diterbitkan pada Mei 2024 dan beberapa statistik yang akan datang bagi Jun 2024. Tambahan, edisi ini turut memaparkan artikel baharu bertajuk "Analisis Hubungkait Antara Aktiviti Pengangkutan dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)", yang menyediakan analisis menyeluruh berkaitan sektor pengangkutan Malaysia, menerangkan kepentingannya dalam pertumbuhan ekonomi negara dan kesan terhadap KDNK.

Menilai keadaan ekonomi global semasa, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi global sebanyak 3.2 peratus pada tahun 2024 dan 3.3 peratus pada tahun 2025 dalam Tinjauan Ekonomi Dunia, Julai 2024 menunjukkan prestasi kukuh dalam kemunculan pasaran baharu, terutamanya di seluruh Asia.

Dengan menumpukan kepada prestasi ekonomi Malaysia, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Anggaran KDNK Awalan Malaysia menunjukkan pengembangan 5.8 peratus pada suku tahun kedua 2024, peningkatan daripada 4.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian. Secara keseluruhan, ekonomi berkembang 5.0 peratus pada separuh tahun pertama 2024, berbanding 4.1 peratus dalam tempoh yang sama pada tahun 2023".

Bagi prestasi petunjuk ekonomi bulanan, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) pada Mei 2024 mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 2.4 peratus, menyederhana berbanding 6.1 peratus yang dicatatkan pada April 2024. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh sektor Pembuatan yang meningkat 4.6 peratus (April 2024: 4.9%) dan peningkatan 4.2 peratus dalam output Elektrik (April 2024: 7.8%). Sementara itu, sektor Perlombongan merosot kepada 6.9 peratus kesan daripada penurunan dua digit dalam pengeluaran Gas Asli pada negatif 10.3 peratus dan kejatuhan 1.9 peratus

dalam pengeluaran Minyak Mentah & Kondensat. Pada masa yang sama, jualan sektor Pembuatan meningkat 5.5 peratus tahun ke tahun kepada RM154.9 bilion pada Mei 2024, berikutan pertumbuhan 5.7 peratus pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disokong oleh peningkatan dua digit dalam subsektor Peralatan elektrik & elektronik (12.2%), subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (8.9%) dan Makanan, minuman & tembakau (7.7%).

Meneliti sektor Perdagangan Borong dan Runcit Malaysia, nilai jualan mencapai RM147.9 bilion pada Mei 2024 mencatatkan pertumbuhan 7.1 peratus tahun ke tahun didorong oleh semua subsektor: perdagangan runcit bertumbuh 8.7 peratus kepada RM64.0 bilion, perdagangan borong menokok 4.7 peratus kepada RM65.1 bilion dan kenderaan bermotor meningkat 10.5 peratus kepada RM18.8 bilion. Indeks volum bagi sektor perdagangan borong dan runcit meningkat 5.7 peratus tahun ke tahun, dengan kenderaan bermotor meningkat 9.6 peratus, perdagangan runcit 6.8 peratus dan perdagangan borong sebanyak 3.4 peratus.

Menilai paras harga, kadar inflasi Malaysia meningkat kepada 2.0 peratus pada Mei 2024, dengan mata indeks mencapai 132.8 berbanding 130.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh kos yang tinggi dalam Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.2%); Perkhidmatan Restoran & Penginapan (3.2%); dan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.0%). Kadar inflasi kekal pada 2.0 peratus pada Jun 2024 dengan indeks berada pada 133.0 berbanding 130.4 pada Jun 2023. Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia pada Mei 2024 meningkat 1.4 peratus tahun ke tahun, berbanding 1.9 peratus pada bulan sebelumnya, dengan sektor Perlombongan meningkat 6.6 peratus (April 2024: 10.0%) dan sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan meningkat 1.3 peratus (April 2024: 5.4%). Sementara itu, sektor Pembuatan bertumbuh 1.0 peratus (April 2024: 0.8%), Indeks Bekalan Air melonjak 8.7 peratus, dan indeks Bekalan Elektrik & Gas meningkat 1.5 peratus. Pada Jun 2024, IHPR meningkat 1.6 peratus.

Beralih kepada sektor luaran, eksport barangan Malaysia pada Mei 2024 mengekalkan trajektori positif bertumbuh 7.3 peratus tahun ke tahun iaitu daripada RM119.5 bilion kepada RM128.2 bilion. Import melonjak 13.8 peratus kepada RM118.1 bilion berbanding RM103.8 bilion pada Mei 2023. Kesannya, imbalan dagangan turun 35.4 peratus tahun ke tahun kepada RM10.1 bilion. Jumlah perdagangan mencecah RM237.8 bilion pada Jun 2024, mencerminkan pertumbuhan 8.7 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Import meningkat 17.8 peratus kepada RM111.8 bilion manakala eksport menokok 1.7 peratus kepada RM126.0 bilion menghasilkan lebihan imbalan dagangan sebanyak RM14.3 bilion.

Senario pasaran buruh Malaysia pada Mei 2024, tenaga buruh meningkat 1.7 peratus mencapai 17.15 juta orang, meningkat daripada 16.86 juta pada Mei 2023. Bilangan penduduk bekerja melonjak 1.8 peratus kepada 16.58 juta, berbanding 16.28 juta pada tahun sebelumnya. Sehubungan itu, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) meningkat

0.3 mata peratusan kepada 70.3 peratus, daripada 70.0 peratus pada Mei 2023, manakala kadar pengangguran kekal stabil pada 3.3 peratus, kadar yang sama pada bulan sebelumnya.

Dalam ucapan penggulungannya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Indeks Pelopor (IP) Malaysia menunjukkan pertumbuhan yang kukuh selama enam bulan berturut-turut, meningkat 3.8 peratus tahun ke tahun kepada 114.2 mata pada Mei 2024. Kadar pertumbuhan IP terlicin kekal konsisten melebihi 100.0 mata, menandakan ekonomi berdaya tahan disokong oleh peningkatan pelancongan dan permintaan luar yang kukuh.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
31 JULAI 2024**



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 7/2024**

Nation's Key Economic Indicators Strengthen as Labour Market Thrives

PUTRAJAYA, 31st July 2024 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 7/2024**. This edition focuses on the recent statistics released in May 2024 and some forthcoming statistics for June 2024. Additionally, this edition includes a new article entitled "An Analysis of the Relationship Between the Transportation Activities and Gross Domestic Product (GDP)", which provides a comprehensive analysis of Malaysia's transportation sector, highlighting its significant role in the country's economic growth and its impact on GDP.

Assessing the current state of the global economy, the International Monetary Fund (IMF) projected global growth rates of 3.2 per cent for 2024 and 3.3 per cent for 2025 in its July 2024 World Economic Outlook, highlighting strong performance in emerging markets, especially across Asia.

Focusing on Malaysia's economic performance, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned, "Malaysia's advance GDP estimates indicate a 5.8 per cent expansion in the second quarter of 2024, an increase from 4.2 per cent in the preceding quarter. This growth was propelled by the Services, Manufacturing and Agriculture sectors. Overall, the economy grew by 5.0 per cent in the first half of 2024, compared to 4.1 per cent during the same period in 2023".

For the monthly economic indicators performance, the Industrial Production Index (IPI) in May 2024, recorded a year-on-year growth of 2.4 per cent, moderated from 6.1 per cent in April 2024. This growth was mainly driven by the Manufacturing sector, which grew by 4.6 per cent (April 2024: 4.9%) and a 4.2 per cent rise in Electricity output (April 2024: 7.8%). Furthermore, Mining sector decline to 6.9 per cent impact from a double-digit decrease in Natural Gas production at negative 10.3 per cent and a drop of 1.9 per cent in the Crude Oil & Condensate output. Simultaneously, the Manufacturing sector's sales increased by 5.5 per cent year-on-year to RM154.9 billion in May 2024, following a 5.7 per cent growth in the previous month. This growth was largely supported by double-digit increases in the Electrical & Electronics products sub-sector (12.2%), the

Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products sub-sector (8.9%) and the Food, beverages & tobacco sub-sector (7.7%).

Examining Malaysia's Wholesale and Retail Trade sector achieved a sales value of RM147.9 billion in May 2024, marking a 7.1 per cent year-on-year growth driven by all sub-sectors: retail trade grew by 8.7 per cent to RM64.0 billion, wholesale trade rose by 4.7 per cent to RM65.1 billion and motor vehicles registered 10.5 per cent increase to RM18.8 billion. The volume index for the wholesale and retail trade sector increased by 5.7 per cent year-on-year, with motor vehicles up by 9.6 per cent, retail trade by 6.8 per cent and wholesale trade by 3.4 per cent.

Assessing the price levels, Malaysia's inflation rate rose to 2.0 per cent in May 2024, with the index reaching 132.8, compared to 130.2 in the same month the previous year. This increase was mainly driven by higher costs in Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (3.2%); Restaurant & Accommodation Services (3.2%); and Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (3.0%). The inflation rate remained at 2.0 per cent in June 2024, with the index at 133.0, compared to 130.4 in June 2023. Malaysia's Producer Price Index (PPI) in May 2024 increased by 1.4 per cent year-on-year, as against 1.9 per cent in the previous month, with the Mining sector rose by 6.6 per cent (April 2024: 10.0%) and the Agriculture, Forestry & Fishing sector increased by 1.3 per cent (April 2024: 5.4%). Concurrently, the Manufacturing sector grew by 1.0 per cent (April 2024: 0.8%), the Water Supply index surged by 8.7 per cent, and the Electricity & Gas Supply index rose by 1.5 per cent. In June 2024, the PPI went up by 1.6 per cent.

Turning attention to the external sector, Malaysia's merchandise exports in May 2024 maintained positive trajectory, growing by 7.3 per cent year-on-year, from RM119.5 billion to RM128.2 billion. Imports surged by 13.8 per cent to RM118.1 billion, compared to RM103.8 billion in May 2023. As a result, the trade balance fell by 35.4 per cent year-on-year to RM10.1 billion. Total trade reached RM237.8 billion in June 2024, reflecting 8.7 per cent growth compared to the same month the previous year. Imports increased by 17.8 per cent to RM111.8 billion, while exports rose by 1.7 per cent to RM126.0 billion, leading to a trade balance surplus of RM14.3 billion.

Malaysia's labour market scenario in May 2024, the labour force increased by 1.7 per cent, reaching 17.15 million persons, up from 16.86 million in May 2023. The number of employed persons rose by 1.8 per cent to 16.58 million, compared to 16.28 million in the previous year. Accordingly, the Labour Force Participation Rate (LFPR) climbed by 0.3 percentage points to 70.3 per cent, from 70.0 per cent in May 2023, while the unemployment rate remained steady at 3.3 per cent, the same rate as previous month.

In his concluding remarks, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, “Malaysia's Leading Index (LI) demonstrated robust growth for six consecutive months, increasing by 3.8 per cent year-on-year to 114.2 points in May 2024. The smoothed growth rate of the LI consistently remained above 100.0 points, signalling a resilient economy bolstered by rising tourism and strong external demand.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides catalogue data and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
31st July 2024